

# Mahasiswa anak Negeri Sembilan berentap dalam SUKNES@U

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi tuan rumah penganjuran Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan atau singkatannya SUKNES@U 2015 yang berlangsung baru-baru ini.

Penganjuran sukan itu amat dinantikan oleh mahasiswa Negeri Sembilan kerana ia satu-satunya kejohanan sukan melibatkan penyertaan anak-anak Negeri Sembilan sahaja. Kesemuanya masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara mewakili institut masing-masing.

Kejohanan ini dianjurkan oleh Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (Manis) dengan kerjasama Pusat Sukan USIM serta sokongan Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan (YNS).

Ia merupakan penganjuran kali kedua dan kali ini dilihat lebih meriah apabila mencatat penyertaan lebih banyak berbanding kali pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada tahun 2010 iaitu 22 buah IPT seluruh Malaysia.



**PROGRAM** berunsurkan kesukanan bukan sahaja dapat mencungkil bakat baharu, malah dapat merapatkan hubungan antara anak-anak negeri.

Antara IPT yang menghantar kontinjen termasuk UKM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan

(UMK), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unizsa), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti

Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sebanyak sembilan acara dipertandingkan termasuk futsal, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, sepak takraw, ping pong dan sukan rakyat seperti tarik tali, tarik upih, guli dan galah panjang. Kesemua acara ini berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM.

Lebih 1,200 orang peserta dan mahasiswa terlibat menjayakan temasya yang bertujuan mengeratkan silaturahim dan perpaduan dalam kalangan anak-anak Negeri Sembilan.

Majlis perasmian SUKNES@U disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dolah manakala upacara penutup disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Utama Mohamad Hassan. - [NEWS.USIM.EDU.MY](http://NEWS.USIM.EDU.MY)